

BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)

PERKHIDMATAN KAMI:
OUR SERVICES:

**Khidmat Nasihat & Perundangan
Legal Aid**

**Penguatkuasaan & Pelaksanaan Perintah
Enforcement & Execution of Shariah
Court Order**

**Pendahuluan Dana
Advance Aid
BSK Transit
BSK Transit**

www.jksm.gov.my

*Syariah Asas
Keadilan*



@bahagiansokongankeluarga
@bsktransitjksm



MATLAMAT GOAL

Mengurus tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah/mu'tah Mahkamah Syariah dengan berkesan dan efisien.

To manage the enforcement and execution of maintenance and consolatory gift orders in the Shariah Court effectively.



VISI VISION

"Berusaha menjadikan BSK sebagai sebuah organisasi sokongan keluarga yang unggul bagi membina masyarakat Islam yang sejahtera dan harmoni."

"Striving to position BSK as an excellent family support organization towards the building of prosperous and harmony Islamic society"



MISI MISSION

BSK komited untuk bertindak sebagai agensi utama dalam:
Committed to position BSK as the principal agency in:

- Memberi kesedaran tentang hak dan tanggungjawab dalam institusi kekeluargaan; dan
- *Instilling awareness regarding responsibilities and rights in family institution; and*
- Membantu isteri/bekas isteri/anak menguatkuasa dan melaksanakan perintah nafkah dan mu'tah yang tidak dipatuhi.
- *Guiding the wife/ ex-wife/ children to enforce the neglected maintenance and consolatory gift orders.*



FUNGSI ROLES AND FUNCTIONS

- Memberi nasihat perundangan Syariah kepada pihak-pihak secara khusus berkaitan tuntutan nafkah/mu'tah serta tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman atau perintah selepas suatu penghakiman atau perintah dibuat oleh Mahkamah Syariah;
Advising the parties from Shariah legal perspectives in relation to enforcement of the maintenance/consolatory gift orders after its issuance;
- Melaksanakan tugas Peguam Syarie dan Bailif dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di Mahkamah Syariah berkaitan dengan nafkah/mu'tah bagi memastikan sesuatu perintah dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua pihak;
Acting as Syarie Lawyer and Bailiff by enforcing the maintenance/consolatory gift orders of Shariah Courts and to ensure that the orders are executed by all parties;
- Melaksanakan pengurusan pentadbiran yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman atau perintah Mahkamah Syariah antara negeri-negeri supaya berjalan dengan lancar tanpa sebarang halangan; dan
Managing the operation of the enforcement orders of Shariah Courts within all states in Malaysia by ensuring its smooth operation; and
- Menguruskan bantuan kewangan sementara dalam bentuk pendahuluan nafkah kepada pemiutang penghakiman (bekas isteri dan anak-anak) yang menjadi mangsa kegagalan pembayaran nafkah oleh penghutang penghakiman (bekas suami atau bapa).
Managing the trust funds which is given as temporary relief to the judgment creditor as the victims of the maintenance failures.



SERVIS SERVICES

1. Khidmat Nasihat & Perundangan
Legal Aid
2. Penguatkuasaan & Pelaksanaan Perintah Nafkah dan Mu'tah
Enforcement & Execution of Maintenance & Consolatory Gift Orders
3. Pengurusan Dana
Advance Aid
4. Rumah BSK Transit.
BSK Transit



BSK SOALAN LAZIM BSK FREQUENTLY ASKED QUESTIONS

APA ITU BSK?

BSK merupakan satu bahagian yang ditubuhkan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang bertujuan untuk menguatkuasakan perintah nafkah/mut'ah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

KENAPA BSK DIWUJUDKAN?

BSK diwujudkan bagi memastikan perintah nafkah dan mut'ah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dipatuhi dan dilaksanakan oleh bekas suami/bapa kepada anak-anak.

APA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA BEKAS SUAMI/BAPA ENGGAN MEMBAYAR NAFKAH/MUT'AH SEPERTIMANA YANG DIPERINTAH OLEH MAHKAMAH?

Bekas isteri/anak boleh membuat aduan kepada BSK. Seterusnya pegawai BSK akan menjalankan tindakan lanjut seperti mengadakan sesi runding cara melibatkan kedua-kedua belah pihak untuk mendapatkan penyelesaian. Jika tiada penyelesaian dicapai, maka kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah akan difailkan di Mahkamah Syariah.

APAKAH DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN KEPADA BSK KETIKA ADUAN DILAKUKAN?

Dokumen yang perlu dikemukakan adalah:-

- Salinan perintah nafkah/mut'ah yang dikeluarkan oleh Mahkamah;
- Salinan siji penceraian;
- Kad pengenalan pemohon; dan
- Salinan MyKid/surat beranak anak.

SELAIN MENERIMA ADUAN, ADAKAH BSK BERTINDAK PROAKTIF MEMANTAU KES-KES NAFKAH/ MUT'AH YANG TELAH DIKELUARKAN PERINTAH?

Ya, bermula tahun 2012 BSK telah mewujudkan sistem e-Nafkah yang bertindak selaku fail maya. Selain itu, sistem ini juga bertindak secara dwi fungsi dengan mempunyai bank data dan akan memuat naik segala perintah nafkah/mut'ah yang dikeluarkan oleh Mahkamah. Seterusnya BSK akan memantau kes tersebut melalui penghantaran MySMS.

APAKAH JENIS PENGUATKUASAAN YANG AKAN DILAKUKAN?

Jenis penguatkuasaan yang boleh dilakukan adalah seperti berikut:-

- Saman Penghutang Penghakiman (Judgment Debtor Summon);
- Notis Penghakiman (Judgment Notice);
- Penyitaan dan Penjualan (Seizure and Sale);
- Hiwalah (Garnishment);
- Perintah Pemenjaraan kerana Menghina Mahkamah (Committal Order).

ADAKAH BANTUAN KEWANGAN AKAN DIBERIKAN KEPADA BEKAS ISTERI/ANAK-ANAK SEPANJANG PROSIDING PENGUATKUASAAN PERINTAH BERLANGSUNG DI MAHKAMAH?

Ya, bekas isteri/anak-anak yang telah mendaftar kes di BSK boleh memohon pendahuluan nafkah. Setiap permohonan akan ditapis berdasarkan kelayakan tertentu dan dana tersebut akan diberikan selama enam (6) bulan. Walau bagaimanapun pendahuluan ini akan dikutip semula melalui tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah.

ADAKAH PERINTAH NAFKAH/MUT'AH YANG DIKELUARKAN SELEPAS 6 TAHUN BOLEH DILAKSANAKAN?

Ya, boleh dilaksanakan.



DIREKTORI BSK SELURUH MALAYSIA BSK DIRECTORIES



SEKSYEN IBU PEJABAT

BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA,
NO. 20, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN,
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA.
NO. TEL.: 03-8870 9200 / 9201 NO. FAKS.: 03-8870 9500
WEBSITE: <http://www.jksm.gov.my>



SEKSYEN WILAYAH PERSEKUTUAN

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN,
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN,
NO.71, JALAN SRI HARTAMAS 1, TAMAN SRI HARTAMAS,
50676 KUALA LUMPUR
NO. TEL.:03-6205 7000/ 7200/ 7306 NO. FAKS.: 03-6205 7100
WEBSITE: <http://www.mswp.gov.my>



SEKSYEN NEGERI SELANGOR

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR,
(JAKESS) BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR.
NO. TEL.:03-5519 1294/ 1291/ 1512 NO. FAKS.: 03-5510 5620
WEBSITE: <http://www.jakess.gov.my>



SEKSYEN NEGERI SEMBILAN

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN,
1054A, KOMPLEKS KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN,
JALAN SENDAYAN,
71950 BANDAR SRI SENDAYAN,
NEGERI SEMBILAN.
NO. TEL.: 06-781 2444/ 2510/ 2509 NO. FAKS.: 06-781 2424
WEBSITE: <http://jksns.ns.gov.my>



SEKSYEN NEGERI MELAKA

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA,
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH MELAKA,
JALAN AYER KEROH LAMA, HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA.
NO. TEL.: 06-231 4002 / 06-233 1084 NO. FAKS.: 06-2313913
WEBSITE: <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>



SEKSYEN NEGERI JOHOR

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU, JOHOR.
NO. TEL.: 07-219 9000/ 9085 NO. FAKS.: 07-221 3133
WEBSITE: <http://www.syariah.johor.gov.my>



SEKSYEN NEGERI PAHANG

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PAHANG,
JALAN MASJID, 25000 KUANTAN, PAHANG.
NO. TEL.:09-517 7966 NO. FAKS.: 09-513 4805
WEBSITE: <http://www.pahang.jksm.gov.my/>



SEKSYEN NEGERI KELANTAN

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KELANTAN,
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
BANDAR BARU TUNJUNG, JALAN PASIR MAS - SALOR,
15510 KOTA BHARU, KELANTAN.
NO. TEL.: 09-747 6011 NO. FAKS.: 09-748 8857
WEBSITE: <http://www.jksn.kelantan.gov.my>



SEKSYEN NEGERI TERENGGANU

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU,
ARAS 3, BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN SULTAN MOHAMAD,
21100 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU.
NO. TEL.: 09-623 8953/ 1303/ 1310/ 1311 NO. FAKS.:09-624 1510
WEBSITE: <http://syariah.terengganu.gov.my>



SEKSYEN NEGERI PERAK

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KELUARGA,
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK, TINGKAT 2,
KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK.
NO. TEL.: 05-208 4872 NO. FAKS.:05-243 9008
WEBSITE: <http://syariah.perak.gov.my>
<http://www.jaipk.perak.gov.my>



SEKSYEN NEGERI PULAU PINANG

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG,
KOMPLEKS KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG,
NO.3, JALAN BATU GANTUNG,
10450 PULAU PINANG.
NO. TEL.: 04-830 7777 NO. FAKS.:04-830 7899
WEBSITE: <http://www.jksnpp.gov.my>



SEKSYEN NEGERI KEDAH

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH,
ARAS 1, BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
BANDAR MUAZAM SHAH, 06550 ALOR SETAR, KEDAH.
NO. TEL.: 04-730 7204 NO. FAKS.:04-700 1989
WEBSITE: <http://www.kedah.jksm.gov.my>



SEKSYEN NEGERI PERLIS

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERLIS,
DARUL QADA' TUANKU SYED SIRAJUDDIN,
PERSIARAN JUBLI EMAS, JALAN PEGAWAI,
01000 KANGAR, PERLIS.
NO. TEL.: 04-977 4846/ 153/ 154/ 155 NO. FAKS.:04-977 5107
WEBSITE: <http://perlis.jksm.gov.my>



SEKSYEN NEGERI SARAWAK

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK,
TINGKAT 2, BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH SARAWAK,
ANJUNG KANAN, JALAN SATOK,
93400 KUCHING, SARAWAK.
NO. TEL.: 082-429 810 NO. FAKS.:082-244 576
WEBSITE: <http://www.syariah.sarawak.gov.my>



SEKSYEN NEGERI SABAH

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH,
TING KAT 1-2, BLOK A & B, WISMA MUIS,
BEG BERKU NCI NO.130,
88739 KOTA KINABALU, SABAH.
NO. TEL.: 088-250 572 NO. FAKS.:088-215455
WEBSITE: <http://www.sabah.jksm.gov.my>